

KEBERKESANAN PEMBANGUNAN MODUL KEMAHIRAN MEMBACA KANAK-KANAK PRASEKOLAH: SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK

The Effectiveness of the Development of Reading Skills Module for Preschool Children: Systematic Literature Highlights

Mohammad Nurulanuar Hussin¹, Jamilah Mohd Basir^{2*}

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
5900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia^{1,2}

mohammadnurulanuarhussin@gmail.com¹, jamilah.basir@fpm.upsi.edu.my²

*Corresponding Author

Received: 22 March, 2024; **Accepted:** 14 June, 2024; **Published:** 22 June 2024

To cite this article (APA): Hussin, M. N., & Mohd Basir, J. (2024). Keberkesanan Pembangunan Modul Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Prasekolah: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 119–130. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.10.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.10.2024>

ABSTRAK

Pengetahuan dan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak di prasekolah merupakan salah satu isu global yang sering disuarakan oleh para pengkaji terdahulu sehinggalah kini. Kajian ini adalah untuk mengkaji literatur berkaitan keberkesanan pembangunan modul pembelajaran untuk kemahiran membaca yang telah dihasilkan memberi impak kepada kemahiran dan penguasaan membaca kanak-kanak dan sejauh mana PdP menggunakan modul kemahiran membaca dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah. Kajian ini dilaksanakan secara sistematik dan berpanduan kepada PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) untuk proses saringan artikel-artikel kajian yang terpilih dan dianalisis. Dua pangkalan data iaitu *Research Gate* dan *Google Scholar* digunakan dalam kajian ini. Sebanyak 15 buah artikel telah terpilih dan dianalisis untuk menjawab persoalan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan modul pembelajaran untuk kemahiran membaca dapat membantu meningkatkan kemahiran dan tahap penguasaan kanak-kanak khususnya di prasekolah dalam kemahiran membaca mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan pada masa hadapan untuk mewujudkan lebih banyak modul pembelajaran kemahiran membaca dengan pelbagai variasi dan kreativiti.

Kata kunci: keberkesanan, modul pembelajaran, membaca, prasekolah

ABSTRACT

Knowledge and reading skills among preschool children is one of the global issues that are often voiced by previous researchers until now. This study is to examine the literature related to the effectiveness of the development of learning modules for reading skills that have been produced to have an impact on children's reading skills and mastery and the extent to which PdP using reading skills modules can help improve preschool children's knowledge and reading skills. This study was carried out systematically and guided by PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) for the screening process of selected and analyzed research articles. Two databases namely *Research Gate* and *Google Scholar* were used in this study. A total of 15 articles were selected and analyzed to answer the research questions. The results of the study found that the use of learning modules for reading skills can help improve the skills and level of mastery of children, especially in preschool in their reading skills. Therefore, the researcher suggests in the future to create more reading skills learning modules with various variations and creativity.

Keywords: *effectiveness, learning module, reading, preschool*

PENGENALAN

Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah adalah penting. Hal ini perlu dilaksanakan oleh guru-guru prasekolah bagi meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak (Bacotang & Mustafa (2018) dan Fong Peng & Fikri Ismail, M. (2020). Modul pembelajaran untuk kemahiran membaca merupakan medium pembelajaran yang paling penting bagi kanak-kanak prasekolah kerana di situlah mereka mendapat sumber bahan pendidikan yang terbaik untuk membantu meningkatkan kemahiran kognitif dalam diri mereka (Egan & Hoyne, 2019).

Walaupun terdapat banyak kajian berkenaan pembangunan modul pembelajaran yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu, namun persoalan tentang pencapaian tahap penguasaan dan kemahiran membaca yang rendah dalam kalangan kanak-kanak masih terus menjadi persoalan kerana masalah ini masih lagi belum menemui penyelesaian secara keseluruhannya (Abd Aziz & Abd Rahman, (2018) & Mohd Sainain et. al (2020). Hal ini kerana masalah membaca bukan sahaja dihadapi oleh negara-negara yang mundur dan membangun tetapi juga berlaku dalam negara-negara yang maju dan pesat membangun (Mazida Tan Ahmad et. Al, 2023). Berdasarkan kepada persoalan ini, maka kajian berkenaan pembangunan modul untuk kemahiran membaca pada masa akan datang perlu lebih banyak diwujudkan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kanak-kanak yang masih belum menguasai kemahiran membaca dan sekaligus menyelesaikan masalah ini daripada terus berlaku (Abdullah & Hutagalung, 2021).

Selari dengan pandangan pakar daripada kajian-kajian lepas, pelaksanaan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menganalisis secara mendalam kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Tumpuan penelitian kajian ini adalah untuk meninjau sejauh mana pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul untuk kemahiran membaca dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran membaca kanak-kanak khususnya di prasekolah. Selain itu, kajian ini juga akan meninjau sejauh mana variasi perkembangan modul pembelajaran untuk kemahiran membaca yang telah dibina. Maka, adalah diharapkan dengan kewujudan kajian SLR ini akan dapat membantu dalam menggali dan menyerlahkan ilmu pengetahuan secara teori dan praktikal tentang kemahiran membaca.

METODOLOGI

Dalam melaksanakan kajian literatur secara bersistematik (SLR) ini, analisis kajian ini adalah berpandukan kepada garis panduan dalam laporan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) 2020 oleh Page et. al. (2021). PRISMA 2020 adalah lanjutan daripada PRISMA 2009 yang mana terdapat penambahbaikan daripada PRISMA 2020 ke arah analisis yang lebih kompleks dan spesifik iaitu kaedah analisis sistematik melibatkan kaedah mengenal pasti, memilih, menilai dan mensintesis kajian. Skop tahun analisis kajian adalah bermula dari tahun 2018 sehingga tahun 2023 berkenaan dengan pembangunan modul untuk kemahiran membaca.

Dalam menerapkan PRISMA 2020, pengkaji telah menggunakan beberapa fasa yang penting bagi mendapatkan bahan-bahan yang benar-benar bermutu ke arah menghasilkan kajian yang benar-benar berkualiti. Dalam proses ini, terdapat empat proses yang dilakukan oleh pengkaji iaitu: (i) mengenalpastian, (ii) penapisan, (iii) kelayakan; dan (iv) terpilih.

Fasa Pengenalpastian

Proses pengenalpastian ini dilakukan dengan menetapkan tiga kata kunci untuk memudahkan pencarian pengkaji iaitu: (i) keberkesanan, (ii) pembangunan modul; dan (iii) membaca. Tujuan mengenal pasti ketiga-tiga kata kunci yang ditentukan oleh pengkaji adalah untuk memastikan proses carian maklumat dapat dijalankan dengan mudah dan bersistematik.

Dalam usaha untuk memperluas carian data berkenaan kajian ini (*search string*) dilakukan dengan mencari perkataan yang sinonim dengan kata kunci melalui *Internet Thesaurus*. Pencarian data juga dilakukan dengan menggunakan kata kunci dalam kajian-kajian terdahulu. Antara bentuk kata kunci yang digunakan adalah seperti *Phrase searching* ("..."), *Wild card* (*pada huruf tengah perkataan), *Truncation* (*pada hujung perkataan) dan *Boolean Operator* (AND, OR). Selain dari kata kunci di atas, pengkaji juga menggunakan *Boolean Operator* yang dapat membantu pengkaji dalam pencarian bahan-bahan kajian lepas secara bersistematik dan berkesan berkenaan dengan topik kajian yang ingin dicari.

Fasa Penapisan

Dalam fasa ini, proses penapisan dilakukan dengan melakukan penyaringan terhadap bahan-bahan kajian dengan berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dibina (Valerie & Shahlan, 2021). Tujuan penyaringan ini dilakukan adalah kerana bahan-bahan yang digunakan akan dipastikan dapat mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Jadual 1 di bawah merujuk kepada kriteria yang ditentukan oleh pengkaji semasa fasa penapisan dilakukan. Menerusi proses penyaringan artikel, pengkaji telah menemui 30 buah artikel yang telah dikenal pasti untuk menjawab objektif kajian. Kesemua 30 buah artikel yang telah dipilih ini disaring terlebih dahulu untuk menentukan artikel yang diperlukan dalam kajian iaitu artikel yang dapat memenuhi dan menepati kriteria dalam kajian ini. Sementara artikel yang lainnya dikecualikan dalam analisis kajian ini.

Jadual 1 : Kriteria Kelayakan dan Pengecualian

KRITERIA	KELAYAKAN	PENGECEUALIAN
TAHUN PENERBITAN	2018 sehingga 2023	Sebelum 2018 dan selepas 2023
BAHASA	Bahasa Melayu	Tiada pengecualian
JENIS DOKUMEN	Artikel	Siri buku, buku, bab dalam buku dan prosiding persidangan.

Fasa Kelayakan

Dalam fasa kelayakan, hanya 30 buah artikel yang berjaya dimuat turun oleh pengkaji kerana hanya bahan tersebut yang dapat diakses semasa proses pencarian. Kesemua 30 buah artikel tersebut disemak secara manual oleh pengkaji dengan membaca abstrak dan dapatan kajian. Teknik ini diaplikasikan berdasarkan kepada saranan oleh Kraus et al (2020). Hasil daripada pembacaan pengkaji, didapati hanya 15 buah artikel sahaja yang layak untuk dipilih kerana 15 buah artikel yang lainnya didapati tidak berfokus kepada kemahiran membaca dengan menggunakan modul pembelajaran.

Fasa Terpilih

Dalam fasa ini, sebanyak 15 buah artikel telah dipilih oleh pengkaji untuk tujuan analisis SLR. Artikel-artikel yang dipilih ini telah membincangkan dengan jelas keberkesanan penggunaan modul pembelajaran dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak.

DAPATAN KAJIAN

Tahun Penerbitan dan Tema yang Dihasilkan

Dalam konteks tahun penerbitan, pengkaji mendapati tahun yang memiliki kajian yang kerap dibangunkan berkenaan kemahiran membaca adalah pada tahun 2020 dan diikuti tahun 2023 di mana kebanyakan tema kajian-kajian yang dibangunkan adalah berkenaan pembangunan modul untuk kemahiran membaca. Dalam penelitian pengkaji sendiri mendapati bahawa kekurangan kajian-kajian dilakukan sebelum tahun 2020 adalah disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. John Daniel (2020) dalam Hamzah, I. N. S., & Mahamod, Z. (2021) menyatakan bahawa kemunculan pandemik Covid-19 pada sekitar tahun 2018-2020 telah memberikan cabaran yang sangat besar kepada sistem pendidikan di seluruh dunia.

Keberkesanan Penggunaan Modul Dalam Membantu Meningkatkan Kemahiran Membaca

PENULIS (TAHUN)	HURAIAN
Mazida Tan Ahmad, Abdul Rahim Razalli & Kama Shaffeei. (2023)	• Kajian ini dilakukan untuk menganalisis keperluan guru Pemulihan Khas terhadap modul pengajaran kemahiran membaca terhadap murid Pemulihan Khas. Menerusi pelaksanaan modul membaca, ianya dapat meningkatkan pengetahuan guru dan ini akan meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar. • Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat banyak keperluan untuk membangunkan modul kemahiran membaca terhadap guru Pemulihan Khas. Ini kerana mereka perlu kreatif dan proaktif dalam menyediakan kaedah dan teknik pengajaran kepada murid berkeperluan khas (MBK). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya keperluan untuk membangunkan modul pembelajaran.
Abdullah & Hutagalung. (2021)	• Kajian ini menggunakan pendekatan Pengajaran Bermain di Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Prasekolah. Dalam pelaksanaan pendekatan secara bermain, guru menggunakan beberapa modul asas yang dijadikan panduan dalam pelaksanaan pengajaran secara bermain. Didapati bahawa, pengajaran secara bermain dapat

	memberikan kesan yang signifikan terhadap pengetahuan membaca kanak-kanak prasekolah. • Dapatan kajian ini menunjukkan pendekatan secara bermain amat berperanan dalam meningkatkan kreativiti dan perkembangan kognitif kanak-kanak dalam membantu meningkatkan kemampuan membaca dalam diri mereka. Namun demikian, kajian ini mendapati kekurangan dari segi variasi kemahiran membaca kerana ia hanya menekankan kepada beberapa teknik membaca sahaja.
Siti Shahida Rasdi, Abdul Halim Masnan, Mahizer Hamzah & Munirah Ghazali. (2021)	• Kajian ini menjurus kepada Pembangunan dan Kebolegunaan Modul Pengajaran Berasaskan <i>Game Board</i> Dalam Pembelajaran Operasi Nombor Kanak-Kanak Prasekolah. • Dapatan dalam kajian ini mendapati bahawa kaedah ini memberikan kesan yang signifikan terhadap perkembangan membaca nombor dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Hasil penggunaan modul ini memberikan motivasi dan minat kepada pelajar untuk belajar dan menguasai kemahiran mengenal nombor. • Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perubahan positif iaitu berlakunya peningkatan kemahiran membaca dalam diri kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak dapat menunjukkan kemampuan membaca suku kata yang diberikan kepada mereka khususnya dalam membaca nama nombor. Didapati juga penggunaan <i>game based learning</i> dapat memberikan keseronokan kepada kanak-kanak dalam belajar.
Fong Peng, C., & Fikri Ismail, M. (2020)	• Kajian ini mengaplikasikan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bermain kepada kanak-kanak. Dalam pembelajaran secara bermain, beberapa kaedah dan pendekatan telah digunakan berdasarkan kepada modul pembelajaran yang telah dibangunkan oleh guru. • Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan kaedah bermain dapat meningkatkan perkembangan afektif dan kognitif kanak-kanak. Hal ini kerana ianya mampu merangsang perkembangan emosi dan minat kanak-kanak untuk belajar. Namun demikian, kajian ini perlu memasukkan beberapa elemen pembelajaran untuk kemahiran membaca yang lainnya dan tidak hanya memfokuskan kepada pembelajaran secara bermain sahaja yang memberikan penekanan kepada modul pembelajaran

	dengan pelbagai variasi kaedah pengajaran dan penyampaian membaca.
Muhd Hairi, A. M., Ibrahim, N. N. S., & Asnil Aimi, A. Z. (2020)	• Kajian ini memfokuskan kepada kajian kemahiran menulis dan membaca kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun. Pembelajaran ini dilakukan dengan menggunakan bahan-bahan pengajaran yang tertentu untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian membaca ini. Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak juga berkebolehan dalam menulis. • Dapatan kajian menunjukkan kemahiran menulis kanak-kanak berada pada tahap yang baik. Hal ini kerana penerapan kemahiran menulis membantu dalam meningkatkan kemampuan membaca dalam diri kanak-kanak. Menerusi penerapan kemahiran menulis dan membaca secara praktikal ia dapat membantu dalam menyelesaikan masalah kanak-kanak yang masih lemah dan belum menguasai kemahiran. Penekanan kemahiran menulis dan membaca bagi kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun membantu memberi persediaan kepada mereka untuk menghadapi alam persekolahan di sekolah rendah.
Nik Muhammad Ambare & Faridah Yunus. (2020)	• Kajian ini lebih menjurus kepada penggunaan Model KST Untuk Membantu Murid Prasekolah Yang Kurang Berkomunikasi Dalam Kemahiran Membaca dan Menulis Suku Kata KVKVKV. Penggunaan model KST membantu dalam mempertingkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak. • Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak prasekolah berkebolehan dalam kemahiran membaca mereka setelah menggunakan modul ini. Modul ini memberikan kesan yang positif kepada kanak-kanak prasekolah agar sentiasa bersemangat dalam menguasai kemahiran membaca dengan baik dengan menunjukkan perkembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran membaca yang baik.
Mohd Sainain, N. S. N., Omar, R., Ismail, H., Mamat, N., & Abdullah, R. (2020)	• Kajian ini menjurus kepada pengaruh pengetahuan, perkembangan bahasa dan literasi, komunikasi dan sosial terhadap perkembangan membaca kanak-kanak. Kesemua pemboleh ubah tersebut menjadi asas kepada pembelajaran membaca kanak-kanak dengan baik. Hal ini kerana, komponen-komponen tersebut berperanan dalam membentuk kosa kata, pengetahuan linguistik dan menjadikan kanak-kanak untuk lebih kritis dan kreatif.

	Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa dan komunikasi serta kemahiran bersosial kanak-kanak didapati mempunyai peningkatan yang signifikan. Hal ini kerana, terdapat perubahan positif dalam kemampuan kanak-kanak dalam menunjukkan kemampuan kemahiran membaca mereka secara dinamik.
Kamalwati Dolhan, Dyg Putri Awg Mahbi, & Yusop Hj. Malie. (2020)	- Kajian ini bertujuan untuk Meningkatkan Kemahiran Mengenal Huruf Dalam Kalangan Murid-Murid Prasekolah di Sekolah. Berdasarkan kepada hasil kajian, menerusi penggunaan modul membaca ianya didapati dapat mengasah, membiasakan kanak-kanak dengan huruf dan kanak-kanak mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk menghafal huruf tersebut. - Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai kemahiran dalam mengenal huruf-huruf dan membantu meningkatkan pemahaman dan penguasaan mereka terhadap apa yang mereka pelajari.
Egan, S. M., & Hoyne, C. (2019)	- Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemampuan kanak-kanak dengan menggunakan modul buku cerita untuk kanak-kanak prasekolah. Kaedah bercerita merupakan antara kaedah yang berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. Hal ini kerana menerusi kaedah bercerita, kanak-kanak akan sentiasa berasa terhibur dan gembira. Maka dengan itu, ia akan dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri kanak-kanak. - Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan modul bercerita dapat meningkatkan kreativiti pada kanak-kanak dalam membina dan melalui pembelajaran di dalam bilik darjah. Namun demikian, kajian ini mendapati keperluan untuk mewujudkan beberapa elemen pengajaran kemahiran membaca yang lainnya agar kemahiran membaca kanak-kanak dapat terus dikembangkan.
Hanifah, S., Vincent, P., & Idris, B. @ B. M. (2019)	Kajian ini dilakukan dengan menggunakan Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Teknik Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar Melalui Bermain. Menerusi penggunaan modul pembelajaran dengan menggunakan kaedah nyanyian, kanak-kanak akan sentiasa berasa terhibur dan bersemangat untuk mempelajari topik pengajaran yang diberikan oleh guru.

	• Kaedah ini ternyata memberikan kesan yang signifikan terhadap kemahiran membaca kanak-kanak. Kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak akan terus bersemangat untuk mempelajari topik membaca secara berterusan.
Bacotang, J., Isa, Z. M., & Mustafa, M. C. (2018)	• Kajian ini dilakukan untuk mengkaji Kesan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Mengikut Jantina Kanak-kanak. Penggunaan modul ini telah berjaya membantu dalam meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca. • Hasil kajian mendapati penggunaan modul ini dapat meningkatkan kemajuan kanak-kanak dalam kemahiran membaca dengan baik. Modul literasi ini bertindak sebagai pembimbing untuk membantu dalam memberikan garis panduan kepada kanak-kanak.
M. Yuthisdeeran, P. Mages, N. (2018)	• Kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Pembelajaran Melalui Bermain Untuk Meningkatkan Kemahiran Murid Membatangkan Suku Kata Terbuka KV+KV Menggunakan Teknologi Realiti Maya. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kemahiran membaca pelajar mempunyai peningkatan dari satu fasa pembelajaran ke suatu fasa pembelajaran secara berperingkat. • Dapatan kajian menunjukkan kaedah pembelajaran secara bermain dapat meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak terhadap suku kata yang diberikan oleh guru. Menerusi kaedah belajar secara bermain akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.
Abd Aziz, S. A., & Abd Rahman, M. J. (2018)	• Kajian ini bertujuan untuk menerapkan Aplikasi Pembelajaran 3E & TMK Terhadap Perkembangan Bahasa dan Literasi Kanak-kanak Prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan positif terhadap peningkatan kemahiran membaca pada kanak-kanak secara konsisten. • Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan alatan teknologi dalam pengajaran akan mampu membantu meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca
Mohd Tahir, A., Yunus. (2018)	• Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap Penguasaan Integrasi Visual-Motor Kanak-Kanak Prasekolah di SK, SJKC dan SJKT. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat kesan positif dalam kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah.

	• Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan integrasi visual motor kanak-kanak meningkat disebabkan pembudayaan dan pengaruh persekitaran. Pengaruh persekitaran memberikan kesan yang amat signifikan terhadap kemampuan kemahiran membaca kanak-kanak.
Noorbaiti, R., Fajriah, N., & Sukmawati, R. A. (2018)	• Kajian ini bertujuan untuk Implementasi Model Pembelajaran Visual-Auditori-Kinestetik (VAK) Pada Mata Pelajaran Matematik. Dapatan kajian menunjukkan model ini berkesan dalam membantu murid-murid untuk membaca nombor-nombor secara berkesan. • Dapatan kajian mendapati penggunaan Model Pembelajaran Visual-Auditori-Kinestetik (VAK) Pada Mata Pelajaran Matematik dapat membantu dalam meningkatkan kreativiti murid-murid dalam kemahiran membaca nombor-nombor secara sistematik.

Pada dasarnya, dapatan kajian-kajian berkenaan kemahiran membaca pada masa kini amat kurang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu terhadap pembangunan modul untuk kemahiran membaca. Berdasarkan kepada penelitian pengkaji, kebanyakan kajian-kajian berkenaan kemahiran membaca lebih tertumpu kepada kajian terhadap murid-murid di sekolah rendah yang dikaji oleh para pengkaji terdahulu. Kajian tentang kemahiran membaca juga perlu dititik beratkan dan bermula di peringkat awal lagi khususnya ketika di prasekolah untuk membentuk persediaan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah untuk menghadapi situasi pembelajaran di sekolah rendah kelak.

Hasil analisis kajian mendapati bahawa penggunaan modul, kaedah dan bahan pengajaran amat membantu dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam diri kanak-kanak. Namun demikian, jumlah kajian akademik berkenaan kemahiran membaca untuk kanak-kanak prasekolah amat kurang dan perlu terus dilakukan dari masa ke semasa. Hal ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kebanyakan kajian-kajian terdahulu berkenaan pembangunan modul untuk kemahiran membaca lebih tertumpu dan berfokus kepada penggunaan kaedah dan strategi membaca sahaja. Pada dasarnya kajian-kajian berkenaan kemahiran membaca kebanyakannya dijalankan terhadap kanak-kanak di sekolah rendah. Dapatlah dikatakan di sini bahawa tidak banyak kajian-kajian yang mengkhusus kepada kajian-kajian untuk kemahiran membaca yang memfokuskan kepada kanak-kanak prasekolah.

Perbincangan dalam kajian tinjauan bersistematik ini, telah menyaring 30 buah artikel daripada dua pangkalan data iaitu *Research Gate* dan *Google Scholar* yang berpanduan pada kaedah PRISMA. Dapatan analisis akhir dalam kajian ini telah menemukan hanya 16 buah artikel sahaja yang layak untuk ke proses analisis akhir yang membincangkan tentang penggunaan modul pengajaran untuk kemahiran membaca dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran membaca kanak-kanak.

Kajian SLR ini adalah menerapkan kaedah yang digariskan oleh PRISMA untuk menghasilkan kertas konsep yang bermutu dan berkualiti bersandarkan kepada penyelidikan yang terbaik (Page et al. 2021). Penggunaan kaedah ini dapat memastikan pengkaji benar-benar dapat memilih bahan-bahan yang tepat bersesuaian dengan kriteria kajian dan matlamat kajian yang ingin dicapai.

Analisis kajian ini mendapati terdapat peningkatan kajian tentang pembangunan modul pengajaran untuk kemahiran membaca dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2018 sehingga tahun 2023. Peningkatan kajian ini adalah disebabkan oleh timbulnya kesedaran oleh para pengkaji-pengkaji terdahulu akan kepentingan pembangunan modul dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan membaca dalam pendidikan kanak-kanak di prasekolah. Masalah membaca merupakan agenda yang dilaksanakan secara berterusan untuk dicari jalan penyelesaian yang tepat dan berkesan.

Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian di atas, jelaslah menunjukkan bahawa pembangunan modul untuk kemahiran membaca dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran dan penguasaan membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Namun demikian, kesan dari kekurangan kajian berkenaan kemahiran membaca, maka dicadangkan kajian pada masa akan datang dapat memfokuskan kepada pembangunan modul untuk kemahiran membaca perlu diteruskan dan dikembangkan dalam usaha untuk memperkayakan sumber bahan bacaan dan penyelidikan yang dapat diterapkan dan diamalkan dalam pengajaran di sekolah.

CADANGAN

Menerusi analisis yang telah dibuat oleh pengkaji, terdapat beberapa jurang dan kelompangan kajian yang memerlukan cadangan kajian lanjutan pada masa akan datang. Cadangan pembentukan kajian pada masa akan datang adalah sebagai usaha untuk memperkayakan sumber korpus ilmu pengetahuan yang akan dapat dijadikan rujukan kepada para pengkaji akan datang.

5.1 Mempelbagaikan Penggunaan Teori dan Model Dalam Kajian Pembangunan Modul Untuk Kemahiran Membaca

Para pengkaji akan datang dicadangkan untuk mempelbagaikan kerangka teoritikal dalam pelaksanaan kajian. Kepelbagaian hasil dapatan amat perlu diwujudkan dalam usaha untuk mengembang dan memperkayakan ilmu pengetahuan. Secara teorinya, kepelbagaian hasil kajian akan merapatkan jurang kajian-kajian terdahulu dengan menemukan pelbagai hasil dapatan kajian yang dapat digunakan.

5.2 Kepelbagaian Penggunaan Kaedah dan Pendekatan Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca

Kepelbagaian penggunaan kaedah dan pendekatan dalam pengajaran kemahiran membaca perlu dikaji secara mendalam dan menyeluruh lagi. Kajian-kajian yang meluas perlu dilakukan ke atas kajian-kajian pembangunan dan penggunaan serta keberkesanan modul untuk kemahiran membaca. Ianya akan dapat membantu para pengkaji akan datang dalam

mewujudkan kajian-kajian baharu yang dapat mengembangkan kemahiran dan penguasaan membaca kanak-kanak.

5.3 Membangunkan Modul Membaca Dengan Menerapkan Penggunaan ICT

Pembangunan modul untuk kemahiran membaca tidak hanya terhad dan berfokus kepada penggunaan bahan-bahan bertulis sahaja. Di masa akan datang, adalah dicadangkan pembangunan modul untuk kemahiran membaca dapat dilakukan dengan menerapkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca dengan menggunakan perisian dan teknologi ICT. Penggunaan pengajaran dengan menggunakan perisian dan teknologi ICT akan dapat meningkatkan keupayaan dan penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran membaca dan mampu untuk menarik minat mereka untuk membaca. Hal ini kerana kanak-kanak akan lebih berminat dan bermotivasi ketika pengajaran disampaikan dengan penggunaan sumber dan bahan teknologi berkaitan ICT.

LIMITASI

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan limitasi kajian. Hal ini bertujuan untuk memperdalamkan hasil kajian agar dapat dilaksanakan secara bersistematik dan lebih berkesan. Sekiranya kajian ini dilakukan tanpa limitasi kajian, ianya akan menyukarkan pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan baik. Hal demikian berlaku kerana akan menyebabkan kesukaran untuk pengkaji menentukan skop kajian. Jika skop kajian gagal ditentukan dengan baik, ianya akan mengakibatkan fokus kajian tidak akan dapat dicapai.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya membataskan topik kajian kepada kajian-kajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca dengan menggunakan modul pembelajaran. Terdapat banyak kajian-kajian berkenaan kemahiran membaca yang telah dijalankan. Namun begitu, masih terdapat kekurangan dalam kajian-kajian yang berkaitan pembangunan modul untuk kemahiran membaca amat kurang dilaksanakan oleh para pengkaji terdahulu.

KESIMPULAN

Tinjauan literatur bersistematik ini telah membincangkan 15 buah artikel berkaitan kajian-kajian berkenaan pembinaan modul pengajaran untuk kemahiran membaca. Kajian ini juga telah membincangkan tentang keberkesanan modul dalam pengajaran dan pembelajaran untuk kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak. Kebanyakan kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa terdapatnya kesan positif akibat penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran untuk kemahiran membaca. Namun demikian, hasil dapatan kajian-kajian dapat dikatakan masih lagi terhad dan hasil dapatan kajian hanya membincangkan kepada beberapa dimensi sahaja dalam membantu meningkatkan kemampuan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, kajian-kajian pada masa akan datang dicadangkan untuk mewujudkan kajian-kajian yang memfokuskan kepada pembangunan modul pengajaran dan penerapan modul pembelajaran untuk kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak sebagai usaha untuk melahirkan lebih ramai kanak-kanak prasekolah yang berkemampuan dan dapat menguasai kemahiran membaca mereka dengan baik.

RUJUKAN

- Abd Aziz, S. A., & Abd Rahman, M. J. (2018). Aplikasi Pembelajaran 3E & TMK Terhadap Perkembangan Bahasa dan Literasi Kanak-Kanak Prasekolah. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, November.
- Bacotang, J., Isa, Z. M., & Mustafa, M. C. (2018). Kesan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Mengikut Jantina Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 6 (December 2017), 1–8.
- Abdullah & Hutagalung (2021). Pendekatan Pengajaran Bermain Di Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Journal of Educational Research*, 64-74.
- Egan, S. M., & Hoyne, C. (2019). *Shared Book Reading in Early Childhood: A Review of Influential Factors and Developmental Benefits*. *An Leabhbh Og*, 12(1), 77–92.
- Hanifah, S., Vincent, P., & Idris, B. @ B. M. (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar Melalui Bermain (*Preschool Early Reading Module Using Songs Based on Cognitive Psycholinguistic Theory and Application of Learning Through Play*). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(01), 45–58.
- Bacotang, J., Isa, Z. M., & Mustafa, M. C. (2018). Kesan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Mengikut Jantina Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 6 (December 2017), 1–8.
- Fong Peng, C., & Fikri Ismail, M. (2020). *The Implementation of Play Approach in Teaching and Learning of Malay Language for Preschool Students*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 2020–2034.
- Hamzah, I. N. S., & Mahamod, Z. (2021). Cabaran Dan Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Kemahiran Literasi Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Bagi Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 57-77.
- Mazida Tan Ahmad, Abdul Rahim Razalli & Kama Shaffeei. Tinjauan Analisis Keperluan Modul Pengajaran Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Guru Pemulihan Khas *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI Vol. 16 Special Issue (2023) / Eissn 2821-3173 (92-104) 92 Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL) 2017*.
- Mohd Sainain, N. S. N., Omar, R., Ismail, H., Mamat, N., & Abdullah, R. (2020). *Parental Knowledge and Development of Languages and Literacy, Communication and Socializations in the Early Childhood Education*. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(9), 2070–2080
- Muhd Hairi, A. M., Ibrahim, N. N. S., & Asnil Aimi, A. Z. (2020). Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak 5+ Dan 6+ Tahun. *Jurnal Kesidang*, 5(January), 99–111.
- Kamalwati Dolhan, Dyg Putri Awg Mahbi, & Yusop Hj. Malie. (2020). Meningkatkan Kemahiran Mengenal Huruf Dalam Kalangan Murid-Murid Prasekolah Di Sekolah Berdasarkan. *Proceedings International Conference on Teaching and Education (ICoTE)*, March, 9–20.
- Kraus, S., Breier, M. & Dasi-Rodríguez, S. 2020. *The Art of Crafting: a Systematic Literature Review in Entrepreneurship Research*. *International Entrepreneurship and Management Journal* 16(3).
- M.Yuthisdeeran, P.Mages, N. (2018). Pendekatan Pembelajaran Melalui Bermain Untuk Meningkatkan Kemahiran Murid Membatangkan Suku Kata Terbuka KV+KV Menggunakan Teknologi Realiti Maya. Prosiding Inovasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran (Issue February 2019).
- Mohd Tahir, A., Yunus, (2018). Penguasaan Integrasi Visual-Motor Kanak-kanak Prasekolah di SK, SJKC dan SJKT (Visual-Motor Integration Performance of Preschoolers in SK, SJKC and SJKT). *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid*, 7, 1–11.
- Noorbaiti, R., Fajriah, N., & Sukmawati, R. A. (2018). Implementasi Model Pembelajaran Visual-Auditori-Kinestetik (VAK) Pada Mata Pelajaran Matematika di Kelas VII E MTsN Mulawarman Banjarmasin. *EDU-MAT: Jurnal Pendidikan Matematika*, 6(1), 108–116.
- Nik Muhammad Ambare, & Faridah Yunus. (2020). Penggunaan Model KST Untuk Membantu Murid Prasekolah Yang Kurang Berkomunikasi Dalam Kemahiran Membaca Dan Menulis Suku Kata KVKVKV (*The Use of KST Model to Help Preschool Students Who Communicate Less in Reading and Writing Syllable Skills CVCVCV*). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 60–71.
- Page, M. J., Moher, D., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... & McKenzie, J. E. (2021). *PRISMA 2020 Explanation and Elaboration: Updated Guidance and Exemplars for Reporting Systematic Reviews*.
- Siti Shahida Rasdi, Abdul Halim Masnan, Mahizer Hamzah, Munirah Ghazali. (2021). Pembangunan dan Kebolegunaan Modul Pengajaran Berasaskan *Game Board* Dalam Pembelajaran Operasi Nombor Kanak-Kanak Prasekolah *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, Vol.10 (2), 2021 (71-84)*